

## Peperangan Badar dan Kesannya bagi Perkembangan Islam

Peperangan Badar adalah suatu peperangan yang paling bersejarah di dalam Islam, dan suatu peristiwa yang sangat keberi<sup>1</sup> kesan bagi perkembangan agama tersebut.

Besarnya erti peperangan Badar itu bukanlah semata-mata kerana pada hari itu jatuhnya hari ayat Qur'ān yang pertama telah diturunkan kepada Nabi Muhammad (S.A.W), sebab Qur'ān adalah sumber yang utama bagi dasar-dasar dan peraturan-peraturan Islam yang dibawa oleh Nabi. Tidak setakat apa yang dikatakan Hari Badar itu Hari Nuzul al-Qur'ān sahaja, malah lebih jauh dan lebih dalam daripada itu.

Seperti mana yang diceritakan oleh sejarah, peperangan Badar telah berlaku pada pagi hari Jumaat 17 hari bulan Ramadān tahun hijrah yang kedua, di antara orang-orang Islam yang di bawah pimpinan Nabi Muhammad (S.A.W) dengan orang-orang kafir Quraisy yang di bawah pimpinan Abu Suffian bin Harb. Hari peperangan Badar itu hingga zaman kita sekarang ini disambut dan dikenang-kenangkan oleh umat Islam sebagai Hari Nuzul al-Qur'ān seperti mana yang disebut di dalam Qur'ān;

“yāwma al-furqāni yāwmattaqā al-jam ‘āni”

Ertinya; “Hari turun Qur'ān itu ialah hari dua puak memulakan pertempuran.” iaitu hari berlakunya peperangan Badar itu.<sup>2</sup> Yang bererti bahawa ayat Qur'ān yang pertama sekali diturunkan kepada Nabi;

(Iqra' bismi rabbika alladhī khalaq, khalaqa al-insāna min 'alaq, iqra' warabbuka al-akram, alladhī 'allama bilqalam, 'allama al-insāna mālam ya 'lam)

Ialah pada hari Jumaat 17 hari bulan Ramadān.

Seperti mana yang telah dinyatakan oleh Qur'ān. Kerana sebelum

daripada itu orang-orang Islam belum dapat mengetahui dengan tegas bila, dan pada hari apakah ayat Qur'ān yang pertama telah diturunkan kepada Nabi.

Memandang kepada kedudukan yang tinggi dan mulia kitab suci al-Qur'ān di sisi orang-orang Islam sudah tentu banyak orang yang menyangka bahawa hari 17 hari bulan Ramadān itu di agung-agungkan oleh umat Islam oleh kerana pada hari itu Tuhan telah menurunkan ayat suci Al-Qur'ān yang pertama kepada rasulnya Nabi Muhammad (S.A.W) dengan perantaraan Jibril 'alayhi al-salām.

Memang benar orang-orang Islam menghormati “Hari Badar” itu oleh kerana pada hari itu ayat Qur'ān yang pertama telah diturunkan kepada Nabi tetapi selain daripada hari itu “Hari Korban” atau “Hari Fur'qān”, Peperangan Badar itu sendiri adalah suatu peristiwa yang amat besar ertiannya kepada agama Islam, kerana pada hari itulah atau lebih tepat kemenangan Badar itulah, maka agama Islam telah masuk ke peringkat baharu di dalam perkembangannya.

Pada masa Nabi berpindah atau berhijrah dari Makkah ke Madinah kerana melarikan diri daripada dibunuh oleh musuhnya orang-orang kafir Quraish, pada masa itu Nabi dan orang-orang Islam belum lagi di anggap sebagai satu kekuatan yang boleh mengancam keselamatan orang-orang musyrikin Quraish. Walaupun mereka sudah mulai rasa khuatir terhadap pemindahan Nabi ke Madinah itu, maka sebab itulah mereka bersungguh-sungguh mencuba menyekat Nabi daripada berhijrah. Tetapi seperti mana yang saya katakan tadi, pada masa ia berpindah ke Madinah dan menetap di sana Nabi (S.A.W) dan orang-orang Islam belumlah lagi dianggap sebagai suatu

<sup>1</sup> Perkataan yang sebenar ialah memberi

<sup>2</sup> Surat Al-'Anfāl ayat 41



Amir 'Abd al-Karim al-Khattabi yang bergelar "Pendekar Rif" kerana berjuang menentang Sepanyol dan Perancis yang menjajah negeri Maghribi dalam suatu perperangan yang dilancarkannya selama 5 tahun (1921-1926) telah kembali ke *rahmatullah* pada bulan Ramadān yang lalu di Kaherah.

kumpulan yang mempunyai suatu kekuatan yang teratur yang akan mengancam keselamatan musuh ketat mereka orang musyrikin dari kaum Quraish dan kabilah-kabilah Arab yang lain, malah boleh dikatakan orang-orang Islam pada masa itu dipandang sebagai suatu kumpulan orang-orang yang memberontak terhadap agama nenek moyang mereka. Tetapi setelah berakhirnya perperangan Badar dengan kemenangan di sebelah pihak orang-orang Islam baharulah orang-orang Quraish dan seluruh kabilah-kabilah yang mendiami Semenanjung Tanah Arab itu berasa gempar terhadap kekuatan orang-orang Islam. Mereka tidak lagi memandang Nabi Muhammad (S.A.W) dan pengikut-pengikutnya itu sebagai suatu kumpulan orang-orang yang enggan mengikut kepercayaan nenek moyang mereka yang telah dipusakai berabad-abad lamanya itu, malah semenjak daripada itu Nabi Muhammad (S.A.W) dan pengikut-pengikutnya mula dianggap sebagai suatu kekuatan yang akan mengancam bukan sahaja terhadap kaum musyrikin Quraish di Mekah tetapi juga terhadap seluruh kabilah-kabilah yang mendiami Semenanjung Tanah Arab.

Sebaliknya pula apakah yang akan terjadi ke atas kumpulan orang-orang Muslimin dan pemimpin mereka Nabi Muhammad (S.A.W) kalau sekiranya dapat dikalahkan oleh orang-orang kaum musyrikin?

Kalau kemenangan mereka dipandang sebagai meletakkan batu asas yang pertama bagi pembinaan empayar Islam, maka sebaliknya pula kalau orang-orang Islam dapat dikalahkan di dalam perperangan Badar itu sudah tentu tak akan lagi dapat kita mendengar nama Islam dan empayarnya, sebab kesan kekalahan itu bukan sahaja setakat orang-orang musyrikin Quraish dapat mengalahkan suatu kumpulan orang-orang Islam yang cuba hendak menghalang rombongan perniagaan mereka, tetapi kesannya akan menjalar sehingga kepada agama Islam itu sendiri, oleh kerana kekuatan tentera Islam yang keluar daripada Madinah pergi menentang orang-orang musyrikin Quraish itu adalah hanya semata-mata kekuatan yang terpilih dan yang ada pada orang-orang Islam. Kalaukah kekuatan ini dikalahkan dan dapat dimusnahkan maka tidaklah lagi ada kekuatan yang dapat mempertahankan Islam dan pemeluk-pemeluknya yang masih ada di Madinah itu. Maka sudah tentu tentera-tentera kaum Musyrikin yang mengalahkan musuh mereka di Badar itu akan pergi ke Madinah dan memusnahkan saki baki penganut-penganut Islam yang ada di sana, dari sebab itu dapatlah kita menganalisa keimbangan Nabi (S.A.W) pada masa kedua-dua belah pihak yang bertentangan itu sudah bersiap sedia untuk memulakan pertempuran Badar. Dengan penuh perasaan dan tumpuan hatinya Nabi (S.A.W) mengadap kiblat serta membuka dan mengangkat tinggi kedua-dua belah tangannya seraya berdoa kepada Tuhan-Nya; "Ya Allah, orang-orang Quraish dengan sombongnya telah datang ke mari untuk mencuba mendustakan Rasul-Mu. Ya Allah berikanlah pertolongan yang telah Engkau janjikan kepadaku itu. Ya Allah ya Tuhan-Ku, kalau sekiranya kumpulan kami ini telah dikalahkan maka Engkau tak akan disembah orang lagi."

Begitulah besarnya erti kemenangan orang-orang Islam di dalam perperangan Badar itu, iaitu kemenangan yang telah dapat menyelamatkan akidah Islam daripada lenyap dari permukaan bumi ini, bukan hanya setakat dari nuzul al-Qur'an sahaja.

